

Bekas Presiden Dan CEO Sime Darby Berhad Ditahan SPRM Hari Ini
Bernama
16 Julai, 2012

KUALA LUMPUR, 16 Julai (Bernama) -- Bekas Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Sime Darby Berhad yang disyaki terbabit dalam kes penyelewengan syarikat ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Isnin.

Pengarah Siasatan SPRM Datuk Mustafar Ali berkata individu yang ditahan pada 11.55 pagi di SPRM Jalan Duta itu merupakan antara mereka yang terbabit dalam projek pertanian pembangunan tanah adat di Sarawak, yang pada waktu itu adalah Presiden dan CEO syarikat berkenaan.

Dia dilepaskan dengan jaminan RM50,000 dengan seorang penjamin dan akan dituduh di mahkamah esok, katanya dalam satu kenyataan.

Mustafar berkata individu itu disyaki melakukan pecah amanah di mana dia telah gagal untuk mengambil atau mengarahkan tindakan undang-undang bagi pengesahan ke atas penganugerahan tanah adat bumiputera yang menyebabkan Sime Darby Berhad kerugian sebanyak RM85,023 juta dan RM16,816 juta.

Katanya, bekas CEO itu dikatakan tidak memaklumkan di mana beliau telah terikat di bawah undang-undang kontrak untuk melindungi lembaga pengarah bahawa kelulusan tanah hak adat bumiputera kepada Sime Darby Berhad telah sebaliknya dianugerahkan kepada syarikat ketiga dan dengan pengetahuan bahawa ia boleh mendatangkan kerugian kepada Sime Darby Berhad.

"Projek yang dijalankan dengan kerjasama di antara syarikat GLC tersebut dengan sebuah syarikat yang dilantik oleh kerajaan negeri itu mengalami kerugian melebihi RM100 juta," kata Mustafar.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=681044>

